

21/10/2001

Globalisasi: Lebih banyak fiksyen berbanding fakta

Hardev Kaur; Rupa Damodaran in Shanghai

SHANGHAI: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dunia menghadapi kurangan kebenaran apabila memperkatakan mengenai isu globalisasi.

"Terlalu sedikit fakta dan terlalu banyak fiksyen untuk diri sendiri. Terlalu ramai yang bersedia berbohong bagi kepentingan mereka sendiri.

"Terlalu sedikit akal budi dan pemikiran lurus dan kekurangan pragmatisme adalah sama serius dengan kurangan kebenaran," kata beliau ketika berucap di Sidang Puncak CEO Apec 2001 di Pudong Shangri-La di sini semalam mengenai "Globalisasi Dengan Pembangunan Bersama".

Sehubungan itu, beliau berkata pragmatisme diperlukan dalam isu globalisasi kerana "terlalu banyak ideologi" pada masa lampau. Ini penting untuk menyimpulkan kebenaran daripada fakta sebenar.

Beliau berkata: "Sama ada kita orang Amerika atau Armenia, Sweden atau Somali, di dalam atau luar kerajaan, kita semua perlu mengurangkan pemikiran secara berkumpulan dan lebih kepada pemikiran bebas. Kita mesti memastikan yang kita tidak ditarik hidung oleh mubaligh yang berniat baik dan kurang berniat baik, yang sebahagian daripada mereka sudah menjalani pendidikan di sekolah injil yang terbaik di dunia."

Dr Mahathir berkata, kebenaran mengenai ideologi globalisasi tidak lama dulu adalah globalisasi sentiasa baik untuk setiap orang, setiap masa dan setiap cara yang dialami oleh banyak negara di Asia Timur, Afrika dan Amerika Latin adalah sebaliknya.

Tidak lama dulu, kata Dr Mahathir mesej dari mimbar kapitalisme dan pasaran bebas, termasuk Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), adalah jelas, iaitu dalam globalisasi yang ada hanya pemenang.

Dr Mahathir berkata, pencadang kuat globalisasi memberitahu negara-negara supaya menerima sajalah keperitan dalam tempoh masa yang lebih lama sementara menunggu menikmati keuntungannya yang pasti akan tiba.

Beliau berkata, jika Asia bersatu, benua itu mempunyai peluang baik untuk mengembangkan globalisasi produktif dan rantau ini mampu menjadi contoh globalisasi yang prihatin.

Rantau ini, katanya harus bekerja lebih kuat untuk membangunkan Sistem Kewangan Asia dan berusaha ke arah kestabilan mata wang Asia.

Beliau berkata: "Jika rakan kita di tempat lain tidak mahu membantu, mereka sepatutnya tidak menjadi penghalang. Jika mereka tidak boleh menjadi sebahagian daripada proses penyelesaian, mereka tidak wajar menjadi sebahagian dari masalahnya."

Katanya, keperluan rantau ini membantu diri sendiri dan kerjasama masih diperlukan untuk menghadapi kelembapan ekonomi global dan kemelesetan ekonomi dunia terbesar yang juga menjadi pasaran terbesar bagi banyak negara di Asia Timur.

Tanpa ragu-ragu, Dr Mahathir berkata, yang paling untung dalam era globalisasi ialah yang paling kaya dan paling berkuasa. Yang paling rugi ialah yang paling miskin dan tidak berkuasa.

Beliau berkata, Asia Timur mendapat manfaat dari sebahagian aspek globalisasi dan juga menderita dari aspek lain.

"Kita mesti bekerja keras untuk memperbaiki persamaan kos dan manfaat. Kita mesti bersedia untuk segera berkata 'ya' kepada beberapa bentuk tertentu globalisasi. Dan kita juga mesti bersedia untuk berkata tidak, tidak dan tidak apabila kita mesti berkata tidak, tidak dan tidak.

"Kita mengalu-alukan nasihat. Kita tidak harus bertolak ansur dengan

arahan. Kita mesti mengakui kebenaran dari fakta. Kita mesti lakukan apa yang boleh berjaya dan tinggalkan apa yang tidak." katanya.

Realiti keadaan ini ialah kemajuan diperlukan pada tahun akan datang hanya akan datang dari tindakan negara dan inisiatif individu. Menekankan kepentingan membantu diri sendiri, beliau berkata, dalam analisis akhir, rakyat mesti faham bahawa pertolongan yang diperlukan oleh setiap orang terletak pada hujung tangan kanannya sendiri. Tuhan membantu mereka yang menolong diri sendiri.

Kerja keras perlu untuk membaiki keseimbangan kos dan manfaat. Ini kerana pendidikan dan pengetahuan adalah penting untuk bersaing dalam dunia globalisasi.

(END)